

NAMA:

TINGKATAN:

LATIHAN 1:

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **implikasi-implikasi yang ditimbulkan oleh kegiatan buli**. Pilih jawapan yang paling tepat pada ruang kosong.

Isu buli bukanlah isu yang baharu dalam kalangan masyarakat. Kegiatan buli bukan sahaja berlaku di sekolah malahan berlaku dalam mana-mana institusi seperti institusi pengajian tinggi, swasta dan kerajaan. Isu buli ini perlu diselesaikan melalui pendekatan kolektif. Semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan gejala ini tidak terus menjadi isu yang serius. Malangnya, apabila setiap kali menyelak akhbar atau menonton televisyen, masyarakat disajikan dengan isu buli di sana sini. Senario sebegini akan membawa impak yang besar kepada pembangunan negara Malaysia yang maju dan bertamadun. Malahan, modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang sebagaimana yang diimpikan dalam wawasan perdana tidak dapat direalisasikan.

Dalam satu kajian, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan gejala buli terjadi, iaitu isu pembuli berasa puas apabila berjaya menyakiti mangsa secara lisan atau fizikal. Malahan, kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan mereka yang terlibat dengan kes buli ini tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang kukuh dengan ibu bapa. Sebaliknya, kebanyakan mereka datang daripada hubungan kekeluargaan yang tidak mengambil berat akan didikan agama. Budaya buli jika dijadikan kelaziman akan menyebabkan mangsa mengalami gangguan mental dan fizikal secara berterusan. Isu buli jika tidak ditangani dengan bijaksana dapat merencatkan pembangunan kerajaan terutama dalam menyemai moral yang luhur.

Realitinya, perbuatan buli sehingga menimbulkan keganasan di luar batasan kemanusiaan perlu ditentang. Hal ini demikian kerana tindakan si pembuli akan mencemarkan imej negara di mata dunia. Justeru, negara akan gagal melahirkan suatu bangsa yang berjiwa merdeka jika gagal mengatasi gejala buli daripada terus berleluasa. Yang lebih ditakuti ialah budaya buli akan menjadi suatu budaya yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Oleh itu, anak-anak kita juga akan menghadapi kesukaran untuk menimba ilmu kerana wujudnya persekitaran yang tidak membantu mereka untuk belajar dalam suasana yang kondusif dan aman.

Tiada gunanya negara mampu melahirkan bijak pandai dalam pelbagai bidang, sedangkan sahsiah mereka berada pada tahap yang paling rendah. Oleh itu, setiap prpgram atau garis panduan yang bakal dibuat untuk menangani masalah buli perlu *dipantau dengan lebih konsisten* oleh pihak yang berkenaan agar masalah ini tidak mengganggu kelancaran agenda pembangunan yang disusun oleh kerajaan.

JAWAPAN:

_____ adalah _____. Selain itu, kegiatan buli ini juga _____ dalam kalangan rakyat. Seterusnya, pembuli juga akan _____. Tambahan itu juga, negara akan _____ jika gagal mengatasi gejala buli daripada terus berleluasa. Akhir sekali, budaya buli akan menjadi _____ jika tidak dibendung dari akar umbi.

LATIHAN 2:

Padankan makna yang paling tepat berdasarkan perkataan di bawah.

berganding bahu
merencatkan
imej
menimba ilmu
bijak pandai
konsisten
berjiwa merdeka

gambaran, cerminan, bayangan
Memperoleh ilmu pengetahuan
orang yang terpelajar atau berilmu
bekerjasama
menyebabkan terhalang atau tertahan
Mempunyai semangat patriotik yang tinggi
mengikut atau selaras dengan yang sebelumnya